Eliot, L. and Eliot, M. 2017. *Autonomous Vehicle Driverless Self-Driving Cars and Artificial Intelligence: Practical Advances in AI and Machine Learning*. LBE Press Publishing.

*Cheng, H. 2011. *Autonomous Intelligent Vehicles: Theory, Algorithms, and Implementation*. Springer.

**Nota: Terdapat rujukan yang diterbitkan melebihi 5 tahun terkini diperlukan untuk penjelasan teori atau konsep kursus.*

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Kebolehan untuk menunjukkan pengetahuan dalam penggunaan kaedah-kaedah pembelajaran mendalam untuk aplikasi kenderaan berautonomi.

Ability to show knowledge on using deep learning methods for autonomous vehicle applications.

HPK2 : Keupayaan untuk memahami konsep-konsep penglihatan komputer untuk penyetempatan dan pemetaan serentak (SLAM) bagi kenderaan berautonomi.

Ability to understand computer vision concepts for simultaneous localisation and mapping (SLAM) of an autonomous vehicle.

HPK3 : Keupayaan untuk menerangkan algoritma-algoritma untuk perancangan dan kawalan pergerakan kenderaan berautonomi.

Ability to describe algorithms for motion planning and control of autonomous vehicles.

HPK4 : Kebolehan untuk menunjukkan pengetahuan dalam kaedah-kaedah penentusahan dan jaminan keselamatan dalam penggunaan kenderaan berautonomi.

Ability to show knowledge of methods for verification and safety assurance in using autonomous vehicles.

1. **Kod Kursus** : **KKMM5013**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Matematik Gunaan Lanjutan**
Course Title : *Advanced Applied Mathematics*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elective)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Kursus ini bertujuan untuk memberikan penekanan terhadap kaedah matematik yang diperlukan dalam bidang penyelidikan kejuruteraan. Tiga topik utama yang ditekankan adalah: Analisis Tensor, Kalkulus Ubahan dan Pengoptimuman, dan Jelmaan Kamiran. Analisis tensor merangkumi topik-topik berkaitan aksiom ruang linear atau ruang vektor, ruang Euklidan dan Bukan-Euklidan, metrik ruang, sistem vektor asas dan asas Cartesan, asas sistem linear dan melengkung, analisis linear dan tak-linear, komponen kovarian dan kontravarian, tensor tertib-kedua dan ciri-ciri jelmaannya, jelmaan aktif dan pasif, delta-Kronecker dan tensor permutasi, koordinat Gaussian dan lengkung-linear, terbitan tensor dan terbitan kovarian menggunakan simbol Christoffel, aplikasi analisis tensor untuk bahan viskoelastik. Kalkulus Ubahan dan Pengoptimuman pula merangkumi pernyataan masalah, permasalahan klasik dalam kalkulus ubahan, masalah Brachistochrone, definisi fungsian dan fungsi ekstremum suatu fungsian, teori Euler-Lagrange, syarat penting bagi ekstremum fungsian, teorem Du Bois-Reymond, keadaan sempadan tabii, aplikasi kalkulus ubahan dalam formulasi mekanik Lagrange dan Hamiltonan. Jelmaan kamiran merangkumi jelmaan Fourier dan Laplace, jelmaan Hankel dan jelmaan Fourier jangka pendek, penyetempatan domain masa dan konsep gelombang kecil. Kursus ini dijalankan dalam bentuk perkuliahan dan seminar mingguan. Pelajar didedahkan kepada topik dan penyelidikan terkini dalam bidang pengajian ini.

This course aims to provide a strong emphasis to mathematical methods required for the field of engineering research. The three main topics which will be emphasized are: Tensor Analysis, Calculus of Variations & Optimization, and Integral Transformations. Tensor Analysis covers topics on linear space axioms or vector spaces, Euclidean and Non-Euclidean Spaces, Metrics of Spaces, Basic Vector Systems and Cartesian Basis, Basic Linear and Curved Systems, Linear and Nonlinear analyses, Covariant and Contravariant Components, Second-order Tensors and its transformation characteristics, Active and Passive Transformations, Kronecker Delta and Permutation Tensor, Gaussian and Curvilinear Coordinates, Tensor Derivative and Covariant Derivative using Christoffel symbols, Application of Tensor Analysis for Viscoelastic Materials. Calculus of Variations

& Optimization covers: Problem Statement, Classical Problems in Variational Calculus, Brachistochrone Problem, Definition of functionals and extremum functions for functional, Euler-Lagrange Theory, Essential Conditions for the Extremum of Functions, Du Bois-Reymond Theorem, Natural Boundary Conditions, Application of Variational Calculus in the Formulation of Lagrangian & Hamiltonian Mechanics. Integral Transformations covers: Fourier & Laplace Transformations, Hankel Transformations and Short Time Fourier Transform (STFT) Time-Domain Localization and wavelet concepts. This course is conducted in the form of lectures and weekly seminars. Students will be exposed to recent trends and research in the field of study.

6. Pra-Keperluan:

Pre-requisite:

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁷⁷ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁷⁸ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Stroud, K.A. and Booth, D. 2017. *Advanced Engineering Mathematics, 5th Ed.* Red Globe Press.

Guo, W.W. and Wang, Y. 2019. *Advanced Mathematics for Engineering and Applied Sciences, 4th Ed.* Pearson.

Higham, N.J. 2015. *The Princeton Companion to Applied Mathematics*, Princeton University Press.

⁷⁷ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁷⁸ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

*DuChateau, P. 2013. *Advanced Mathematics for Engineers and Scientists*, Dover Books.

*Strang, G. 1986. *Introduction to Applied Mathematics*, Wellesley-Cambridge Press.

**Nota: Terdapat rujukan yang diterbitkan melebihi 5 tahun terkini diperlukan untuk penjelasan teori atau konsep kursus.*

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Kebolehan menggunakan asas-asas prinsip fizik dan matematik untuk menterjemahkan masalah kejuruteraan kepada model.

Ability to use fundamental physics principles and mathematics to translate engineering problems to tractable models.

HPK2 : Berupaya menggunakan kaedah analisis yang sesuai untuk menyelesaikan masalah matematik.

Ability to use the appropriate analyses methods to solve mathematical problems.

HPK3 : Berupaya menggunakan konsep matematik yang disampaikan semasa kuliah untuk menganalisis trend penyelidikan matematik terkini.

Ability to use mathematical concepts given in the lectures to analyse latest mathematical research trends.

HPK4 : Berkebolehan menyediakan laporan dan pembentangan yang baik berkaitan analisis kejuruteraan.

Ability to prepare a good report and presentation related to engineering analysis.

1. **Kod Kursus** : **KKMM5463**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Mekatronik dan Sistem Fizikal Siber**
Course Title : *Mechatronics and Cyber Physical Systems*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elective)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Kursus ini membincangkan pendekatan mekatronik terhadap reka bentuk sistem kawalan, yang mengintegrasikan kejuruteraan mekanikal dan elektrik, bersama dengan perisian komputer, dalam satu kerangka yang menyeluruh dan bersinergi. Ini merangkumi tajuk-tajuk penderia dan transduser, sistem mikropemproses, aktuator dan kawalan pergerakan. Konsep ini dikembangkan lagi kepada alam sistem fizikal siber (CPS) di mana pengkomputeran, kawalan dan komunikasi disatukan dengan rapi dalam reka bentuk sistem. Beberapa aplikasi CPS seperti dalam peranti perubatan, bangunan pintar dan sistem kenderaan akan dikaji. Pelajar juga akan diberi satu projek pembangunan CPS menggunakan papan pembangunan mikro pengawal bersama peranti-peranti internet benda (IOT) dan komunikasi tanpa wayar.

This course discusses the mechatronic approach to control system design, which integrates mechanical and electronic engineering, as well as computer software in a unified and synergetic framework. The topics covered include sensors and transducers, microprocessor systems, actuators and motion control. The concept is then extended into the realm of cyber physical systems (CPS) in which computing, control, and communications are tightly integrated into the system design. Some CPS applications such as in medical devices, smart buildings and vehicle systems will be studied. Students will also be given a CPS development project using microcontroller development boards along with internet of things (IOT) and wireless communication devices.

6. **Pra-Keperluan:**

Pre-requisite:

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁷⁹ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁸⁰ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Crowder, R. 2019. *Electric Drives and Electromechanical Systems: Applications and Control*, 2nd Edition. Butterworth-Heinemann.

Bolton, W., 2016. *Mechatronics: Electronic Control Systems in Mechanical and Electrical Engineering*, 6th Edition. Pearson.

Bishop, R.H., 2017. *Mechatronics: An Introduction*. CRC Press.

Mahmoud, M.S. and Xia, Y. 2019. *Networked Control Systems: Cloud Control and Secure Control*. Butterworth-Heinemann.

Siozios, K., Soudris, D. and Kosmatopoulos, E. 2017. *Cyber-Physical Systems: Decision Making Mechanisms and Applications*. River Publishers.

**Nota: Terdapat rujukan yang diterbitkan melebihi 5 tahun terkini diperlukan untuk penjelasan teori atau konsep kursus.*

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Berkebolehan menerangkan prinsip-prinsip fizik dan matematik yang digunakan oleh peranti-peranti mekatronik yang lazim.
Ability to explain the physics and mathematical principles of common mechatronic devices.

HPK2 : Berkebolehan mereka bentuk sistem kejuruteraan menggunakan konsep mekatronik dan CPS.

⁷⁹ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁸⁰ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

Ability to design engineering systems using mechatronic and CPS concepts.

HPK3 : Berkebolehan membangunkan CPS menggunakan papan pembangunan mikropengawal dan peranti IOT.

Ability to develop CPS using microcontroller development boards and IOT devices.

1. **Kod Kursus** : **KKMM4273**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Penyamanan Udara dan Penyejukan**
Course Title : *Air Conditioning and Refrigeration*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elektif)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar kepada topik-topik seperti asas pemindahan haba, mekanik bendalir dan sifat-sifat termodinamik bendalir kerja; sistem penyejukan mampatan wap dan penyerapan; penggunaan carta psikrometrik, pengiraan beban penyejukan; penjelasan komponen-komponen penyamanan udara; serta sistem saluran dan perpaipan, pam dan kipas, gegelung penyejukan dan penyahlembapan; peralatan kawalan pemampatan; injap pendikitan, proses pemeluwapan dan penyejatan dalam sistem penyaman udara. Kursus ini menggunakan pendekatan pengiraan dan projek contoh untuk merancang dan mereka bentuk sesuatu sistem penyamanan udara. Keperluan kerajaan, akta-akta dan isu-isu terkini mengenai penyamanan udara dan penyejukan akan dibincangkan. Projek reka bentuk sistem penyamanan udara akan diberikan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berhubung dengan penyamanan udara.

This course gives exposure to students to the following topics; basics of heat transfer, fluid mechanics, thermodynamic properties of working fluids; vapour compression and absorption refrigeration systems; usage of psychrometric chart; cooling load calculation, air conditioning's components explanations; ducting system and piping; pumps and fans; cooling coils and dryers; compressor control equipment; expansion valve; evaporation and condensation process in air conditioning systems. This course will use calculation approach and pilot project to plan and design an air conditioning system. Government requirements, acts and recent issues regarding air-conditioning and cooling will be discussed. Design project on air conditioning system will be given to enhance skill and knowledge.

6. **Pra-Keperluan:**

Pre-requisite:

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁸¹ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁸² keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Althouse, A.D. 2016. *Modern Refrigeration and Air Conditioning, 20th Ed.* Goodheart-Willcox Publisher.

Whitman, B., Johnson, B., Tomczyk, J. 2016. *Refrigeration and Air Conditioning Technology, 8th Ed.* London: Delmar Cengage Learning.

Russel E. S. 2018. *Electricity for Refrigeration, Heating and Air Conditioning, 10th Ed.* Boston: Cengage Learning.

James D.H. 2017. *Automotive Heating and Air Conditioning. 8th Ed.,* Pearson.

Mark S. 2017. *Today's Technician: Automotive Heating and Air Conditioning Classroom Manual and Shop Manual. 6th Ed.* Boston: Delmar Cengage Learning.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah melalui pengiraan kejuruteraan mengenai ciri-ciri teknikal penyamanan udara dan penyejukan.

To be able to solve problems through engineering calculation on air conditioning and refrigeration.

HPK2 : Berkebolehan untuk mereka bentuk sistem penyamanan udara dan penyejukan mengikut aplikasi dan keperluan tertentu yang mengambil kira aspek kesihatan dan keselamatan pengguna serta alam sekitar.

⁸¹ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁸² 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

To be able to design air conditioning and refrigeration systems based on the specifications and the needs of the applications which regards the health and the safety of the user and the environment.

HPK3 : Berkebolehan memahami dan mematuhi keperluan-keperluan kerajaan, akta-akta dan spesifikasi pelanggan serta membuat pertimbangan mengenai keperluan persekitaran di dalam penyediaan sistem penyejukan dan penyamanan udara.

To be able to understand and to comply with government requirements, acts and specifications, and be able to take into account environmental considerations in preparing an air conditioning and refrigeration system.

1. **Kod Kursus** : **KKMM4293**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Tenaga Keterbaharuan dan Pengurusan Tenaga**
Course Title : *Renewable Energy and Energy Management*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elektif)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Kursus ini meliputi pengenalan kepada isu-isu pencemaran alam sekitar, krisis tenaga dan isu sosial mengenai tenaga serta faktor-faktor penyebab serta penyelesaiannya. Seterusnya, topik mengenai pelbagai aplikasi sistem tenaga seperti tenaga suria, angin, hidro, biogas, biojisim dan sistem tenaga keterbaharuan lain yang berkaitan akan dibincangkan. Bahagian kedua kursus ini ialah untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tentang kecekapan penggunaan dan pengurusan tenaga, peranan dan fungsi pengurus tenaga, kategori dan peringkat pengauditan tenaga, penjimatan dalam penggunaan tenaga di bangunan dan di industri seperti dandang dan sistem penyamanan udara. Pelajar juga didedahkan kepada pengenalan kepada analisis ekonomi dan kewangan dalam pengurusan projek-projek tenaga keterbaharuan dan penjimatan tenaga.

This course covers introduction to environmental pollutions, energy crisis and social issue about energy as well as factors that cause them and their solutions. Topics on various applications of energy systems such as solar, wind, hydro, biogas, biomass and other renewable energy systems will be subsequently discussed. The second part of this course is to provide understanding and knowledge about the use and management of energy efficiency, manager's role and function, category and level of energy-audits, saving in energy consumption in buildings and in industrial systems such as boilers and air-conditioners. Students will also be exposed to the introduction to economical analysis and financial management of renewable energy and energy saving projects.

6. **Pra-Keperluan:**

Pre-requisite:

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁸³ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁸⁴ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Usher, B. 2019. *Renewable Energy*. New York: Columbia University Press.

Peake, S. 2018, *Renewable Energy: Power for a Sustainable Future*. 4th Ed. Oxford University Press.

Quaschnig, V. 2016, *Understanding Renewable Energy Systems*. 2nd Ed. London: Taylor & Francis.

Capehart, B. L., Turner, W.C. & Kennedy, W.J. 2016, *Guide to Energy Management*, 8th Ed. Fairmont Press.

Krarti, M. 2016. *Energy Audit of Building Systems: An Engineering Approach*, 2nd Ed. Boca Raton: CRC Press.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Kebolehan mengenalpasti kepentingan tenaga keterbaharuan dalam menangani isu-isu alam sekitar dan menganalisis faktor-faktor penyebab krisis tenaga dan pencemaran alam sekitar serta kaedah penyelesaian.
Ability to recognise the important of renewable energy in solving environmental issues and to analyse factors causing energy crisis and environmental pollutions and their solutions.

⁸³ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁸⁴ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

HPK2 : Kebolehan mengklasifikasi dan membezakan prinsip operasi sistem-sistem tenaga keterbaharuan dan mengira imbalan tenaga dalam sistem-sistem tersebut.

Ability to to classify and differentiate principles of operation of various renewable energy systems and to calculate energy balance in these systems.

HPK3 : Kebolehan menilai kecekapan tenaga dan memilih dan mengesyorkan sistem tenaga keterbaharuan yang sesuai dalam sesuatu masalah kejuruteraan.

Ability to assess energy efficiency and select and suggest suitable renewable energy system in an engineering problem.

HPK4: Kebolehan menganalisis data dan maklumat, menilai keadaan dan kos penggunaan tenaga dan mengenalpasti masalah dan penyelesaiannya.

Ability to analyse data and information, and to assess energy usage situation and cost, as well as to identify problems and their solutions.

1. **Kod Kursus** : **KKMM4253**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Dinamik Bendalir Komputeran**
Course Title : *Computational Fluid Dynamics*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elektif)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Matlamat kursus ini ialah untuk memberikan pengetahuan, kefahaman serta kemahiran menggunakan perisian modern dalam penyelesaian masalah melibatkan dinamik bendalir. Masalah melibatkan pemindahan haba yang mampu dijalankan dengan simulasi juga dibincangkan. Pelajar perlu menggunakan perisian dinamik bendalir komputeran untuk menyelesaikan masalah aliran bendalir dan pemindahan haba yang melibatkan berbagai bentuk aliran. Kursus ini meliputi tajuk-tajuk seperti pengenalan kepada dinamik bendalir komputeran, persamaan asas aliran bendalir, permodelan gelora, pasca proses dan kinematik aliran. Pelbagai bentuk latihan serta kaedah simulasi seperti kaedah simulasi aliran mantap dan kaedah simulasi aliran transien akan diperkenalkan untuk menambah kefahaman serta kemahiran pelajar. Pelajar juga akan diberikan projek mini secara individu dan berkumpulan yang akan dinilai berpandukan penulisan laporan serta pembentangan.

The course is aimed to provide knowledge, understanding and skills to use a modern software as a method in solving problems related to fluid dynamics. The problems related to heat transfer which are able to be simulated will also be discussed. Students need to utilise a computational fluid dynamics software in solving the problems related to fluid flow and heat transfer that are involved with various types of flow structures. This course covers topics such as introduction to Computational Fluid Dynamics (CFD), governing equation of fluid flows, turbulence modeling, post-processing and flow kinematics. Various tutorials and different simulation methods such as steady flow and unsteady flow simulation methods are to be introduced in order to enhance the understanding and skills of student. Students will also be given individual and small group projects that will be evaluated based on report writing and presentation.

6. **Pra-Keperluan:**

Pre-requisite:

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁸⁵ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁸⁶ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Zikanov, O. 2019. *Essential Computational Fluid Dynamics*. 2nd Ed. Hoboken: John Wiley.

Tu, J., Yeoh, G-H., Liu, C. 2018. *Computational Fluid Dynamic: A Practical Approach*. 3rd ed. Oxford: Butterworth-Heinemann.

Sharma, A. 2016. *Introduction to Computational Fluid Dynamics: Development, Application and Analysis*. Chichester: John Wiley.

Moukalled, F., Mangani, L., Darwish, M. 2015. *The Finite Volume Method in Computational Fluid Dynamics*. 1st ed. Cham: Springer.

Blazek, J. 2015. *Computational Fluid Dynamics: Principles and Application*. 3rd ed. Amsterdam: Butterworth-Heinemann.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Berkebolehan memahami teori, konsep bendalir dan persamaan menakluk dalam penggunaan perisian dinamik bendalir komputeran.
To be able to understand theory, concept and governing equations used in computational fluid dynamics software application.

HPK2 : Berkebolehan menganalisis dan menjalankan simulasi terhadap masalah aliran bendalir serta pemindahan haba dalam bidang kejuruteraan mekanikal.

⁸⁵ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁸⁶ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

To be able to analyse and simulate fluid flow and heat transfer problems in the mechanical engineering field.

HPK3 : Berkebolehan membina model 2-dimensi dan 3-dimensi untuk menyelesaikan masalah aliran bendalir mantap dan transien menggunakan perisian CFD.

To be able generate two- and three-dimensional models to solve steady and transient fluid flow problems using CFD software.

HPK4: Berkebolehan mengorganisasi dan membentangkan hasil projek dengan bantuan peralatan multimedia.

To be able to organise and present the project outcomes with the aid of multimedia equipments.

1. **Kod Kursus** : **KKMM4193**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Kenderaan Cekap Tenaga**
Course Title : *Energy Efficient Vehicle*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elektif)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan perbandingan berkenaan kenderaan cekap tenaga yang berkaitan dengan operasi, prestasi dan pelepasan bahan cemar untuk enjin pembakaran dalam, hibrid dan kenderaan elektrik. Kursus ini mengkaji bagaimana reka bentuk dan operasi enjin pembakaran dalaman, hibrid dan kenderaan elektrik membantu prestasi, keperluan bahan api dan kesan terhadap alam sekitar secara keseluruhan. Perbandingan kecekapan bahan api juga dibincangkan untuk sistem kuasa kenderaan yang berbeza. Pelajar akan melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan kitaran pemanduan sebagai perbandingan pengukuran prestasi kenderaan, pembebasan karbon dan impaknya terhadap alam sekitar.

The objective of this course is to provide an understanding and comparison of energy-efficient vehicles related to operation, combustion, performance and emission for internal combustion engines, hybrids and electric vehicles. This course examines how the design and operation of internal combustion engines, hybrids and electric vehicles help with performance, fuel and environmental impacts. Comparison of fuel efficiency is also discussed for different vehicle power systems. Students are required to do projects related to the driving cycle to compare vehicle performance, carbon emissions and impact on the environment.

6. **Pra-Keperluan:**

Pre-requisite:

Tiada

None

7. **Keperluan Kursus⁸⁷ untuk Menduduki Peperiksaan**

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013). Pelajar perlu memenuhi

⁸⁷ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliah dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam

70%⁸⁸ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliah tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Heywood, J. B., 2018. *Internal Combustion Engine Fundamentals*, 2nd Ed. New York: McGraw Hill.

Hayes, J. G., 2018. *Electric Powertrain: Energy Systems, Power Electronics and Drives for Hybrid, Electric and Fuel Cell Vehicles*, 1st Ed. Hoboken, New Jersey: Wiley

Denton, T., 2016. *Electric and Hybrid Vehicles*, 2nd Ed. New York: Routledge.

Tu, J., Yeoh, G. H., Liu, C., 2018. *Computational Fluid Dynamics: A Practical Approach*, 3rd Ed. Oxford: Butterworth-Heinemann.

Cengel, Y. A., 2018. *Thermodynamics, An Engineering Approach*, 8th Ed. New York: McGraw Hill.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Berkebolehan menilai, membandingkan dan mengenalpasti masalah kejuruteraan mekanikal dalam teknologi kenderaan cekap tenaga.
To be able to evaluate, compare and identify the problem of mechanical engineering for latest vehicle propulsion technology.

HPK2 : Berkebolehan untuk mereka bentuk penyelesaian kepada masalah kejuruteraan kompleks yang memenuhi keperluan persekitaran dan kenderaan cekap tenaga.
To be able to design solutions to complex engineering problems that meet specified needs of environment and energy efficient vehicle.

HPK3 : Berkebolehan menghasilkan semula, menjejaki kitaran enjin dan hasil kitaran menggunakan perkakasan kejuruteraan moden yang sesuai bagi

penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁸⁸ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

menyelesaikan masalah kejuruteraan kompleks kenderaan cekap tenaga dengan memahami hadnya.

To be able to create and track engine cycle and emission using appropriate modern engineering tools to solve complex engineering problems of energy efficient vehicle with an understanding of the limitations.

1. **Kod Kursus** : **KKMM5113**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Mesin Turbo**
Course Title : *Turbomachinery*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Status : *Program (Elektif)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Matlamat kursus ini ialah memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip serta teori yang digunakan dalam kejuruteraan mesin turbo serta membekalkan kefahaman tentang jenis-jenis pemampat/pam dan turbin yang berupaya untuk memindahkan tenaga antara bendalir dan bilah rotor. Pelajar juga didedahkan dengan pengetahuan mengenai pembakaran dalam khususnya berkaitan turbin gas. Kursus ini meliputi tajuk-tajuk seperti pengenalan kepada mesin turbo, pemampat aliran paksi, turbin aliran paksi, pemampat empar dan turbin empar. Pelajar perlu membuat kajian kepustakaan untuk mengkaji permasalahan terkini berkaitan mesin turbo. Projek secara berkumpulan samaada melibatkan eksperimen atau simulasi menggunakan perisian moden juga akan diberikan. Projek dinilai berpandukan penulisan laporan dan juga pembentangan pada minggu terakhir semester.

The objective of this course is to provide knowledge and comprehension on principles, and theories that are used in turbomachinery engineering. Additionally, this course provides knowledge about compressor/pump and turbine types that transfer the energy between rotor blade and fluids. Students are also exposed to knowledge of internal combustion particularly for gas turbine application. This course includes topics such as introduction to turbomachinery, axial flow compressors and fans, axial turbine, centrifugal flow compressors and centrifugal turbine. Students are required to conduct a literature review of the latest problem related to turbomachinery. A group project that involves either experimental work or simulation using a modern software will also be given. Project will be evaluated based on report writing and presentation at the end of the semester.

6. **Pra-Keperluan:**

Pre-requisite:

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁸⁹ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013). Pelajar perlu memenuhi 70%⁹⁰ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/ dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Murty, V.D. 2018. *Turbomachinery Concepts, Applications, and Design, 1st Ed.* Boca Raton: CRC Press, Taylor & Francis.

Sultanian, B. K. 2019. *Logan's Turbomachinery: Flowpath Design and Performance Fundamental, 3rd Ed.* Boca Raton: CRC Press

*Dixon, S. L., & Hall, C. A. 2014. *Fluid Mechanics and Thermodynamics of Turbomachinery, 7th Ed.* Amsterdam: Butterworth-Heinemann.

Cengel, Y.A. & Cimbala, J.M. 2017. *Fluid Mechanics: Fundamentals and Applications, 4th Ed.* Singapore: McGraw-Hill.

Cengel, Y.A., & Boles, M.A. 2018. *Thermodynamics: An Engineering Approach, 9th Ed.*, New York: McGraw-Hill.

**Nota: Terdapat rujukan yang diterbitkan melebihi 5 tahun terkini diperlukan untuk penjelasan teori atau konsep kursus.*

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Berkebolehan memahami konsep, teori serta sifat-sifat bendalir dalam pemampat serta turbin, dan mengenalpasti prestasi setiap jenis pemampat dan turbin dalam kejuruteraan mesin turbo.

⁸⁹ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁹⁰ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

Ability to understand concept, theory and fluid characteristics in compressors and turbine and recognise the performance of each type of compressor and turbine.

HPK2 : Berkebolehan untuk menganalisis berpandukan prinsip-prinsip asas serta teori dalam kejuruteraan mesin turbo bagi menyelesaikan masalah yang melibatkan pemampat dan juga turbin.

Ability to do analysis based on principles and theories in turbomachinery engineering to solve the problems related to compressors and turbine.

HPK3 : Berkebolehan menyelesaikan masalah yang kompleks dalam kejuruteraan mesin turbo samaada menerusi kaedah eksperimen atau simulasi menggunakan perisian moden yang sesuai.

Ability to solve a complex problem in turbomachinery whether by experimental method or simulation using an appropriate modern software.

HPK4: Berkebolehan untuk menjalankan serta membentangkan projek melibatkan permasalahan semasa berkaitan kejuruteraan mesin turbo termasuk pembakaran dalam secara individu dan juga berkumpulan.

Ability to conduct and present a project regarding current problem related to turbomachinery engineering including internal combustion individually and in group.

1. **Kod Kursus** : **KKMM4613**
Course Code
2. **Nama Kursus** : **Teknologi Kakisan**
Course Name *Corrosion Technology*
3. **Kredit** : **3**
Credit
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Level *Program (Elective)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis

Objektif kursus ini adalah untuk mendalami fenomena kakisan yang telah diperkenalkan dalam kursus Sains Bahan pada tahun pertama pengajian. Prinsip dan jenis kakisan termasuk kakisan basah dan kering akan dibincangkan. Kesan kakisan ke atas ekonomi dan keselamatan juga akan dibincangkan secara ringkas. Kaedah pencegahan kakisan termasuk pemilihan bahan, perubahan persekitaran, reka bentuk, salutan dan perlindungan katod akan diketengahkan. Selain itu, elemen pemantauan kakisan secara visual menggunakan alat digital terkini akan diperkenalkan.

The objective of the course is to deepen corrosion phenomenon that have been introduced in Materials Science course in first year. Principles and corrosion types including corrosion aqueous and dry corrosion will be discussed. Effect of corrosion on economy and safety will be discussed briefly. Methods of prevention of corrosion including material selection, environment alteration, design, cathodic coating and protection will be raised. Visual inspection by to-date digitizing instrument will be also introduced.

6. **Pra-Keperluan (jika ada):**

Pre-requisite (if any)

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁹¹ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁹² keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References:

Branko N. Popov, 2015, *Corrosion Engineering: Principles and Solved Problems*, Elsevier.

McCafferty, E. 2010, *Introduction to Corrosion Science*, Springer.

*Roberge, P., 2008, *Corrosion Engineering: Principles and Practice*. McGraw-Hill.

David E.J. Talbot, James D.R. Talbot, 2018, *Corrosion Science and Technology*, 3rd Ed., CRC Press.

*Schweitzer, P.A., 2006, *Fundamentals of Metallic Corrosion: Atmospheric and Media Corrosion of Metals*. 2nd Ed., Taylor-Francis.

Fontana, M., 2005. *Corrosion Engineering*, 3rd Ed., New York: McGraw-Hill

*Schweitzer, P.A., 2009, *Fundamentals of Corrosion: Mechanisms, Causes, and Preventative Methods*, 1st Ed., CRC Press.

**There is no updated version, however it is still a popular reference.*

9. Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

⁹¹ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁹² 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

- HPK1 :** Pemahaman konsep asas teknologi karat dan kakisan; kategori kakisan, keperluan mereka bentuk dan pembangunan terkini.
Understanding basic concepts of corrosion and corrosion technology; categories of corrosion, design requirements and the latest developments.
- HPK2 :** Berkeupayaan mengenalpasti, menganalisis dan membandingkan jenis-jenis kakisan ke atas bahan logam dan aloi dalam persekitaran kakisan dan mekanisma yang terlibat.
Ability to identify, analyse and compare different corrosion types on metals and alloys in corrosive environments and the mechanisms involved.
- HPK3 :** Berkemampuan menganalisis kesan kakisan ke atas ekonomi dan keselamatan alam sekitar.
Ability to analyse the effect of corrosion on economy and environmental safety.
- HPK4 :** Berkebolehan merumus penyelesaian dan strategi bagi peramalan kakisan yang sesuai dan pencegahan kakisan dengan menggunakan teknologi terkini bagi manfaat industri dan masyarakat.
Ability to provide solution and strategies for appropriate corrosion prediction and corrosion prevention by using latest technology for the benefit of industry and society.

1. **Kod Kursus** : **KKMM4433**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Tribologi Industri**
Course Title : *Industrial Tribology*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Definition : *Programme (Elective)*

5. **Sinopsis:**

Synopsis:

Tribologi adalah cabang sains geseran, haus dan pelinciran. Tujuan kursus ini adalah untuk menyampaikan teori dan konsep asas tribologi dalam siri syarahan termasuklah teori pelinciran yang menjadi asas mod haus dan geseran. Modul juga merangkumi prinsip asas tribologi – kajian geseran, haus dan pelinciran termasuk kepentingan bahan, permukaan, reka bentuk, keadaan operasi, persekitaran ke atas geseran, haus dan kerosakan permukaan dalam sebarang system. Aplikasi teori, konsep, teknik dan pendekatan tribologi ke atas reka bentuk, penyelidikan, pembangunan, penilaian dan penyelesaian masalah turut dibuat.

Tribology is the science of friction, wear and lubrication. The aim of this course is to deliver fundamental theory and concepts of tribology in a series of lectures, including lubrication theory, the basis of wear modes and friction. The module also deals with basic principles of tribology - the study of friction, wear, and lubrication - including the importance of materials, surfaces, design, operating conditions, environment and lubrication on friction, wear and surface damage in any system. Applications of tribological theories, concepts, techniques and approaches to design, research, development, evaluation, and problem solving are also included.

6. **Pra-Keperluan (jika ada):**

Pre-requisite (if any):

Tiada

None

7. **Keperluan Kursus⁹³ untuk Menduduki Peperiksaan**

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁹⁴ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. **Rujukan:**

References:

Hutchings, I., Shipway, P., 2017, 2nd Edition, *Tribology - Friction and Wear of Engineering Materials*, Butterworth-Heinemann.

Johnson, K.L., 2004, *Contact Mechanics*, Reprinted, Cambridge University Press.

Stachowiak, G., Batchelor, A., 2014, 4th Edition, *Engineering Tribology*, Oxford: Butterworth Heinemann.

*Bushan, B., 2013, 2nd Edition, *Introduction to Tribology*, John Wiley & Sons.

**There is no updated version, however it is still a popular reference.*

9. **Hasil Pembelajaran Kursus:**

Course Learning Outcome:

HPK1 : Berkebolehan untuk mengaplikasi pengetahuan asas tribologi

Ability to apply knowledge of basic concepts of tribology

⁹³ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁹⁴ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

HPK2 : Berkebolehan menjelaskan dan mendiskriminasikan mekanisme terhadap geseran dan haus

Ability to explain and discriminate the mechanism and effects of surface towards friction and wear

HPK3 : Berkebolehan merumuskan masalah kompleks pelinciran dengan mensintesis maklumat untuk menghasilkan kesimpulan

Ability to formulate lubrication complex problems using synthesis of information to provide conclusions

HPK4 : Berkebolehan melengkapkan dan menyampaikan kajian kes dengan persembahan dan dokumentasi yang berkesan.

Ability to complete and deliver tribological case study with effective presentation and documentation.

HPK5 : Berkebolehan berfungsi dengan berkesan sebagai ahli dalam kumpulan dalam mengendalikan masalah.

Ability to function effectively as an individual in a team in handling problems.

1. **Kod Kursus** : **KKKM4673**
Course Code
2. **Nama Kursus** : **Pemprosesan Seramik**
Course Name *Processing of Ceramics*
3. **Kredit** : **3**
Credit
4. **Taraf Kursus** : **Program (Elektif)**
Course Level *Programme (Elective)*

5. **Sinopsis:**
Synopsis

Kursus ini bertujuan memberi pemahaman tentang prinsip asas pemprosesan seramik, penyediaan serbuk mentah dan penciriannya, langkah-langkah pemanfaatan, penggunaan bahan tambah, pemadatan serbuk, operasi pembentukan (termasuk penuangan buburan, penyuntikan acuan, penuangan pita), pengeringan dan pensinteran. Kursus ini juga memberikan pemahaman tentang impak penyediaan serbuk dan parameter pemprosesan terhadap mikrostruktur akhir dan sifat seramik yang dihasilkan. Kursus ini merangkumi aplikasi bahan seramik tradisional dan seramik termaju serta kaca pada masa kini. Pelajar akan diminta menyediakan artikel sorotan kajian lepas bagi satu bidang penyelidikan terpilih yang melibatkan pemilihan bahan dan komponen mudah, kaedah pemprosesan dan pembuatan komponen tersebut, cabaran berkaitan pemprosesan dan pernyataan masalah, hipotesis penyelesaian masalah serta cadangan kajian penyelidikan yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

The objective of this course is to provide understanding about the basic principles of ceramic processing, powder preparation and characterisation, beneficiation steps, the use of additives, powder packing, forming operations (including slip casting, injection moulding, tape casting), drying and sintering. The course also provides the student with an understanding of the influence of powder preparation and processing parameters on the final microstructure and properties of the ceramics. This course covers both traditional and advanced ceramics, as well as glasses in recent applications. Students are required to prepare a literature review article for a selected research area which encompasses material and simple component selection, the processing and fabrication of the component, challenges concerning its processing, a hypothesised solution and proposal for future research work.

6. Pra-Keperluan (jika ada):

Prerequisite (if any)

Tiada

None

7. Keperluan Kursus⁹⁵ untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2013). Pelajar perlu memenuhi 70%⁹⁶ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahkan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

References

Barsoum, M, 2019, *Fundamentals of Ceramics*. 2nd Ed..CRC Press.

Rahaman, M.N., 2017, *Ceramic Processing* 2nd Ed., CRC Press.

Carter, C.B. & Norton, M.G. 2013. *Ceramic Materials: Science and Engineering*. 2nd Ed., Springer.

Shackelford, J.F. & Doremus, R.H. 2008. *Ceramic and Glass Materials*. John Wiley.

King, A. G., 2002, *Ceramic Technology and Processing*. Noyes Publications.

*Reed, J., 1995, *Principles of Ceramics Processing*. 3rd Ed., John Wiley & Sons.
Class Notes

**There is no updated version, however it is still a popular reference.*

⁹⁵ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahkan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selawat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik.

⁹⁶ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

9. Hasil Pembelajaran Kursus:

Course Learning Outcome:

HPK1 : Memahami aspek asas pemprosesan seramik dan kaca serta menguasai keseluruhan jujukan langkah-langkah pemfabrikatan produk

An understanding of the basic principles of processing of ceramics and glasses as well as the overall processing sequence of product manufacture

HPK2 : Berkebolehan menganalisis impak pemboleh ubah pemprosesan terhadap mikrostruktur dan sifat bahan seramik dan kaca yang terhasil

An ability to analyse the impacts of processing variables on the microstructure and the resulting properties of ceramic and glass materials

HPK3 : Berkebolehan untuk berfungsi secara berkesan sebagai individu samada sebagai ahli atau ketua dalam kumpulan bagi menyelesaikan masalah berkaitan pemprosesan seramik dan kaca

An ability to function effectively as an individual either as a member or team leader in solving problems related to processing of ceramics and glasses

1. **KodKursus** : **KKKM4693**
Course Code :
2. **Nama Kursus** : **Pemprosesan Polimer**
Course Title : *Polymer Processing*
3. **Kredit** : **3**
Credit :
4. **Taraf kursus** : **Program (Elektif)**
Course definition : *Program (Elective)*
5. **Sinopsis:**

Synopsis :

Objektif kursus ialah untuk menyampaikan dengan secara teori dan praktik serta pengalaman tentang proses pembentukan bahan polimer serta polimer tertetulang. Pendekatan yang diambil ialah dengan menilai proses pembentukan berdasarkan bahan dan reka bentuk komponen. Tiga aspek utama yang dinilai ialah bentuk, saiz dan bahan untuk penentuan proses pembentukan. Proses-proses pembentukan dibahagikan kepada operasi asas pemprosesan lebur dalam pengacuanan suntikan, penyemperitan (profil dan proses pembentukan pasca-dai), pengacuanan mampatan dan proses pembentukan lain dalam polimer tertetulang. Pendekatan unit operasi asas ialah strategi pembentukan dengan analisis proses. Analisis lebur diperkenal, dibincang dan diaplikasi untuk analisis setiap unit operasi pembentukan. Kaedah pembentukan dikaji dalam tiga peringkat iaitu pra-pembentukan seperti pengadunan dan pembentukan baya induk, pembentukan hampir-lengkap dan pasca-pembentukan untuk hiasan dan salutan. Percampuran akan dibincang secara khusus kerana proses pra-pembentukan dan pembentukan melibatkan proses percampuran. Pelajar diminta menyediakan sebuah projek mini yang melibatkan pemilihan komponen, pemilihan bahan yang sesuai untuk pembentukan, proses pembentukan dan keupayaan pengeluaran.

The objective of this course is to deliver the theoretical and practical with experience -on process of polymer materials formation and reinforced polymer. The approach taken is to assess the formation process based on materials and design components. Three main aspects are evaluated such as shape, size and material to determine formation processes. Formation processes are divided to basic operating units on the injection moulding process in melt stage, extrusion (profiling and post-die shaping process), compression moulding and other fabrication processes in the reinforced polymer. Basic unit operation approach is the formation strategy with the process analysis. Melt analysis is introduced, discussed and applied to analyse each formation operation unit. The formation methods are studied

